

## JAWATAN KOSONG

**Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) mempelawa pemohon daripada Warganegara Malaysia yang berminat dan berkelayakan untuk mengisi jawatan kosong sebagai :**

### **Pembantu Operasi (Gred N11)**

1. (a) Jawatan: : Pembantu Operasi Gred N11 (Kontrak)  
(b) Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan : Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)  
(c) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan (N)  
(d) Jenis Skim Perkhidmatan : Pelaksana  
(e) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana  
(f) Taraf Pelantikan : Kontrak  
(f) Gred : N11
2. Jadual Gaji : (RM Sebulan)

Gred Gaji	Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
N11	1,216.00	2,983.00	80.00

Imbuhan Tetap : Khidmat Awam : RM95.00  
Perumahan : RM300.00  
Bantuan Sara Hidup : RM300.00

3. Syarat Lantikan : 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
- a) Warganegara Malaysia;
  - b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;



c) Kelayakan Lantikan Ke Gred N11 :

Kelayakan Masuk : (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Gaji Permulaan : Gred N11: RM1,216.00

#### **ATAU**

Kelayakan Masuk : (ii) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan memiliki lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)].

Gaji Permulaan : Gred N11: RM1,262.15

#### **DAN**

d) Syarat Lantikan Tambahan

Syarat Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Keupujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Taraf Jawatan

: Kontrak

5. Deskripsi Tugas

(a) Membantu dalam melaksanakan tugas-tugas dalam membantu melicinkan perjalanan urusan pejabat seharian melibatkan pergerakan fail, penghantaran dan pendaftaran surat/dokumen serta pemanduan kenderaan

(b) Memandu dan menyenggara kenderaan yang diliputi oleh lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E.

(c) Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas operasi am bersifat hands-on yang memerlukan keupayaan fizikal di



dalam pejabat.

d) Tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa mengikut keperluan perkhidmatan dan tugas.

6. Permohonan boleh dibuat menggunakan borang seperti dilampiran. Borang permohonan yang lengkap hendaklah dihantar kepada:

**Ketua Setiausaha**  
**Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri**  
**Bahagian Pengurusan Sumber Manusia**  
**Tingkat 23, Menara MITI,**  
**No.7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah,**  
**50480 Kuala Lumpur**

7. Tarikh Tutup : **27 Januari 2017 (Jumaat) sebelum 5.00 petang**